



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENOLONG PENYELIA UJIAN MEMANDU (C.1-2 EB.3)
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- | |
|---|
| <p>1. PENOLONG PENYELIA UJIAN MEMANDU
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Automotif / *Information and Communication Technology* / Mekanikal / Perdagangan atau bidang yang bersesuaian.

ATAU


- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Darat sebagai Penolong Pemeriksa Kereta atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Unit Pelesenan Pemandu / Penyelia Ujian Pemandu;
2. Bertugas di Unit Pelesenan Pemandu / Unit Ujian Memandu;
3. Melaksanakan ujian kelayakan memandu / ujian undang-undang kod jalan raya kepada bakal-bakal pemandu serta menguji pemohon-pemohon yang bakal menjadi jurulatih memandu (*Driving Instructor*) di sekolah-sekolah memandu;



4. Memberikan taklimat dan ujian memandu semula kepada individu yang diambil tindakan oleh mahkamah atau Unit Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Darat;
5. Membantu di dalam memantau prestasi dan kualiti sekolah memandu di tahap yang sangat baik serta menyediakan laporan-laporan / jadual-jadual lawatan / audit ke sekolah-sekolah memandu;
6. Membantu membuat penyelidikan dan penelitian tentang pengendalian sistem pelajaran yang diberikan kepada para pelajar di sekolah-sekolah memandu serta hal ehwal ujian memandu dan lesen; dan
7. Menerima arahan dan tanggungjawab daripada Pegawai atasan dari semasa ke semasa.